

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

# 19

APR

## SAYANGILAH BUAH PINGGANG ANDA

12 April 2017 (Rabu)  
9.00 am – 11.00 am  
Bilik Ibnu Sina



PROGRAM MINGGU KESIHATAN SEDUNIA 2017 @ PUSAT SEJAHTERA USM



**SAYANGILAH BUAH PINGGANG ANDA**

**'CHRONIC KIDNEY DISEASE STAGE 4 AND EARLY PREVENTION OF KIDNEY DISEASE'**

**P/Madya Dr Azreen Syazril Adnan**  
Pensyarah Perubatan & Penyelaras  
Unit Chronic Kidney Disease  
Hospital Universiti Sains Malaysia

**SILA ISI BORANG PENILAIAN PROGRAM UNTUK MATA CPD**

USM, PULAU PINANG, 16 April 2017 – Sakit buah pinggang kronik adalah gejala yang amat merbahaya dan ditakuti jika ia tidak dijaga dan dikawal dengan elok dari peringkat awal.

Hal ini ditegaskan oleh Pakar Perunding Nefrologi dan Perubatan merangkap Ketua Unit Chronic Kidney Disease (CKD) Resource Centre Pusat Pengajian Sains Perubatan, Profesor Madya Dr. Azreen Syazril Adnan semasa ceramah "Sayangilah Buah Pinggang Anda" dalam Program Minggu Kesihatan Sedunia 2017 anjuran Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

Lebih kurang 90 orang warga USM hadir mendengar ceramah tersebut yang terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat, pakar perubatan, staf jabatan lain dan juga siswa-siswi USM.

Menurut Dr. Azreen, sakit buah pinggang kronik ini terjadi disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Antaranya ialah faktor keturunan, tekanan darah, tabiat suka merokok, diabetes, gaya hidup tertentu, pengambilan ubat tahan sakit yang tidak terkawal dan kurang senaman. Ia mudah terjadi kepada golongan lelaki.

“Terdapat beberapa peringkat sakit buah pinggang yang kronik iaitu tahap satu hingga lima. Tahap lima adalah tahap yang para pengidap seharusnya melakukan dialisis kerana tahap dua hingga empat sebenarnya tiada tanda yang jelas dan pesakit mungkin merasa sihat namun hakikatnya buah pinggang mereka sudah rosak,” jelas Dr. Azreen.

“Jika pesakit tidak mengelak dan mengawal buah pinggang masing-masing, kos rawatan yang akan ditanggung adalah lebih kurang RM 3,000-3,500 sebulan,” tambah Dr. Azreen lagi.

Antara pesanan Dr. Azreen untuk menjaga buah pinggang ialah dengan mengawal tekanan darah dan kurangkan pengambilan garam, mengawal paras gula, mengawal paras kolestrol dan lemak, mengelakkan pengambilan ubatan tradisional serta elakkan mengambil ubat tahan sakit seperti ponstan dan voltagen.

Teks: Ruziatun Amirah Ismail



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015